

Tiada parti menang majoriti mudah lebih baik untuk politik Malaysia

● Pelantikan Perdana Menteri pasca PRU-14 menunjukkan ia tidak mengikut amalan lazim sebelum ini

● Tiada parti atau kerjasama antara parti dilihat mampu meraih majoriti mudah hadapi PRU-15 setakat ini

● Jika tiada parti memperoleh majoriti mudah, rundingan antara parti terpaksa dibuat untuk membentuk kerajaan

Oleh Prof Datuk Dr Jayum A Jawan
bhrencana@bh.com.my

Apa ada pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15)? Tempoh sah penggal Parlimen ke-14 sepatutnya berakhir pada atau selepas Julai tahun depan, jika mengikut bulan mesyuarat pertama Parlimen selepas PRU-14.

Apabila tempoh berkenaan tiba, Parlimen terbubar dan PRU-15 perlu diadakan. Namun, manifestasi ini bergantung kepada keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kerana beliau berkuasa untuk meminta Parlimen dibubarkan lebih awal.

Lazimnya, seorang Perdana Menteri akan meminta Parlimen dibubarkan apabila iklim politik dilihat memberi kelebihan kepada beliau dan rakannya dalam parti atau perikatan parti dipimpinya.

Hal ini sering diamalkan Perdana Menteri sebelum ini terutama sebelum PRU-14 dan beberapa pilihan raya wilayah atau negeri dipercepatkan kerana parti pemerintah berasakan iklim politik lebih baik kepada mereka.

Namun, kedudukan politik dan kepemimpinan Ismail Sabri agak unik. Beliau Perdana Menteri Malaysia tidak mengetahui mana-mana parti politik atau perikatan yang memberi majoriti kepada beliau diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia kesembilan.

Benar beliau adalah ahli UMNO tetapi Ismail Sabri bukan Presidennya. Bahkan kedudukan beliau agak rendah dalam hierarki parti iaitu satu daripada tiga Naib Presiden UMNO.

Beliau juga bukan Ketua Perikatan Nasional (PN), sebuah perikatan mendukung beliau menjadi Perdana Menteri menggantikan Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Presiden BERSATU.

Justeru, apa pertimbangan untuk Ismail Sabri membubarkan Parlimen lebih awal supaya PRU-15 dapat diadakan sekarang seperti permintaan atau desakan sesetengah pihak termasuk daripada pemimpin UMNO sendiri.

Berdasarkan amalan sebelum ini, terutama demokrasi berparlimen, selagi Ismail Sabri bukan ketua parti atau ketua perikatan parti yang menang kelak, beliau tidak mendapat jaminan bakal diangkat semula sebagai Perdana Menteri.

Sistem demokrasi berparlimen menggambarkan dengan jelas siapa layak diangkat sebagai Perdana Menteri iaitu lazimnya ketua bagi sebuah parti politik yang memperoleh kemenangan majoriti.

Ini bermaksud, ketua parti atau pemimpin perikatan kepada banyak parti dan memenangi se-

kurang-kurangnya 112 kerusi parlimen layak dilantik menjadi Perdana Menteri selepas diperkenan Yang di-Pertuan Agong.

Namun, pengecualian amalan ini berlaku kali pertama selepas PRU-14 dan Ismail Sabri boleh dikatakan berada di tempat dan pada masa tepat untuk menduduki jawatan itu, tetapi belum tentu ia berulang selepas ini.

Walaupun dinyatakan Perdana Menteri berkuasa untuk meminta Parlimen dibubarkan, tetapi ada kaedah lain boleh diambil individu tertentu untuk mendesak PRU-15 diadakan dalam masa terdekat.

Pertama, ketua parti atau ketua blok dalam PN boleh menarik sokongan terhadap Perdana Menteri, maka kerajaan Ismail Sabri akan jatuh dan beliau akan terpaksa memohon kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen.

Akan tetapi sekiranya Agong tidak berkenaan membubarkan Parlimen, maka pilihan terhormat dan berdasarkan lulus undang-undang dan sistem demokrasi berparlimen, beliau terpaksa mengundurkan diri.

Norma baharu politik Malaysia pasca PRU-14 dilihat satu jalan terbaik untuk negara melangkah ke hadapan. Orang Malaysia serta pemimpinnya perlu belajar semula dan mengamalkan sikap serta nilai terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

Ini bagi membolehkan Agong melantik Ahli Parlimen lain yang pada pandangan baginda mendapat atau bakal mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat.

Sekiranya Ismail Sabri hilang sokongan majoriti sama seperti Tun Dr Mahathir Mohamad dan Muhyiddin sebelum ini, maka negara akan mengalami krisis politik semula, iaitu keadaan politik tidak menentu seperti sebelum ini.

Perlu diketahui, tiga kerajaan selepas PRU-14, di bawah pimpinan Dr Mahathir melalui Pakatan Harapan (PH), Muhyiddin - PN/Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) serta sekarang, Ismail Sabri - PN/BN dan GPS jelas sekali

tidak memiliki sokongan majoriti.

Tiga Perdana Menteri ini tidak pernah disahkan sokongan majoriti mereka melalui proses di Dewan Rakyat. Rakyat menerima 'permainan sokongan' yang 'sekejap ke sini dan sekejap ke sana' serta melalui akuan bersumpah (SD).

Keyakinan rakyat terhadap SD ini meningkat apabila Yang di-Pertuan Agong memainkan peranan penting memastikan sokongan itu benar dan sah.

Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong memanggil seluruh Ahli Parlimen untuk menentukan sokongan dan kedudukan mereka bertepatan dengan jumlah SD.

Walaupun ada desas-desus undi percaya bakal diusulkan bagi mengesahkan sokongan Ahli Parlimen, namun usul berkenaan tidak pernah diangkat di Parlimen dan Dr Mahathir, Muhyiddin serta Ismail Sabri tidak melalui detik mencabar itu.

Kebelakangan ini, sokongan kepada Ismail Sabri mula goyang dengan pelbagai pihak mendesak beliau membubarkan Parlimen bagi membolehkan PRU-15 diadakan.

Hakikatnya, bilakah PRU-15 akan diadakan bukan satu kepentingan utama, sebaliknya persoalan utama perlu dijawab adalah sejauh mana parti gabungan yang wujud ketika ini mampu memenangi dengan majoriti mudah.

Jika tiada parti tunggal berjaya memenangi PRU-15 dengan memperoleh majoriti mudah, ia satu senario agak baik kerana pelbagai pihak dan parti perlu bekerjasama untuk membina majoriti tinggi supaya dapat memerintah.

Ini sekali gus menggalakkan pelbagai pihak dan parti berunding, bekerjasama dan bertolak ansur dalam proses tawar-menawar bagi mendapat titik terbaik menegakkan kerajaan selepas PRU-15.

Kedua, selepas PRU-15, Malaysia akan mempunyai Perdana Menteri baharu dan Ismail Sabri mungkin tidak dilantik semula berdasarkan hujah sebelum ini - beliau bukan ketua parti atau perikatan parti.

Ketiga, disentralisasi kuasa seperti keputusan PRU-14 akan mewarnai politik Malaysia ke hadapan. Proses tawar-menawar antara pemimpin dan parti akan berlaku untuk mewujudkan blok-pakatan parti yang memerintah dengan majoriti tinggi.

Norma baharu politik Malaysia pasca PRU-14 dilihat satu jalan terbaik untuk negara melangkah ke hadapan. Orang Malaysia serta pemimpinnya perlu belajar semula dan mengamalkan sikap serta nilai terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Profesor Sains Politik, Universiti Putra Malaysia (UPM), bekas penyangang Kursi Tun Abdul Razak, Ohio University